

## PERTABALAN PADUKA SERI SULTAN PERAK KE-35

# Sultan Nazrin ditabal Sultan Perak

**KUALA KANGSAR** - Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ditabalkan sebagai Sultan Perak ke-35 dalam upacara penuh istiadat di Balaiorong Seri Istana Iskandariah, di sini, semalam.

Istiadat Pertabalan Sultan Perak itu dimulai dengan pemeriksaan Istiadat Kawalan Kehormatan dari Rejimen Askar Jurutera Diraja oleh Nazrin di Dataran Istana Iskandariah.

Selepas itu, baginda kemudiannya berangkat meninggalkan Istiadat Kawalan Keselamatan bagi meneruskan Istiadat Tabal Adat di Balaiorong Seri.

Istiadat Tabal Adat kemudiannya dimulakan dengan Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda, Datuk Seri Ir Mohamad Othman Zainal Azim menghadap baginda memohon perkenan memulakan istiadat.

Sejurus selepas itu, bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh bekas johan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa, Radzi Kamarul Hailan dari Surah Ali Imran bermula ayat 26 hingga 32 diperdengarkan.



FOTO: BERHAWA

**Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim pada Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 di Istana Iskandariah semalam.**

Acara kemudiannya diteruskan lagi Istiadat Membawa Masuk Al-Quran oleh Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan, Datuk Dr Afifi Al-Akiti

yang menyembahkan senaskhah al-Quran kepada Sultan Nazrin sebelum baginda mengucup dan meletakkan-nya di atas tempat khas.

Selepas itu, Watikah Pemasyhuran dibacakan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Jeneral (B) Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin yang kemudiannya mengangkat sembah dan melauangkan 'Daulat Tuanku' sebanyak tiga kali yang turut diikuti hadirin.

Acara berikutnya diteruskan lagi Istiadat Membawa Masuk Pedang Cura Simanja Kini yang dipersembahkan kepada baginda oleh Mohd Zahidi sebelum baginda menghunus dan mengucup pedang berkenaan.

Toh Seri Nara Diraja Mohamed Sah Nong Chik pula masuk ke Balaiorong Seri dan terus naik ke singgahsana mempersembahkan Mastika Embun serta menyunting Chap Halilintar ke telinga kanan baginda sambil membisikkan Rahsia Nasab Sultan.

Pada Istiadat itu juga, Pemasyhuran Penganugerahan Gelaran Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak dengan Sultan Nazrin menyemat Bunga Pencawa Pencara ke rambut Tuanku Zara Salim selepas pengisytiharan dibuat Mohd Zahidi yang kemudiannya

diikuti laungan Daulat Tuanku.

Sesudah itu, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa menghadap mempersembahkan ucapan tahniah dan taat setia bagi pihak Rajaraja dan Orang Besar Perak sebelum diikuti Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir mempersembahkan ucapan tahniah dan taat setia mewakili kerajaan negeri serta rakyat.

Sultan Nazrin kemudiannya menyampaikan titah baginda dan selepas itu bacaan doa oleh Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.

Istiadat Tabal Adat itu diakhiri dengan Mohamad Othman Zainal Azim menghadap Nazrin untuk menyembah istiadat selamat disempurnakan.

Sultan Nazrin dimasyhurkan sebagai Sultan Perak ke-35 pada 29 Mei 2014 selepas kemangkatan ayahanda baginda, Almarhum Sultan Azlan Shah.

Istiadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 berlangsung selama 15 hari bermula 3 hingga 17 Mei.